

Laporan Herald Tribune dikutuk

BH- 17/11/2006

WAKIL Melaka, Datuk Idris Haron, mengutuk sekeras-kerasnya laporan akhbar Herald Tribune dari Britain semalam yang mendakwa kononnya berlaku ketegangan kaum di negara ini.

Ketua Pemuda Umno Tangga Batu itu mendesak pengarang akhbar berkenaan memecat penulisnya, Thomas Fuller kerana menulis berita palsu yang memburukkan pucuk kepemimpinan negara.

"Laporan itu menyebut perselisihan kaum dan agama hampir tercetus di Malaysia dan memberi amaran berlakunya kekacauan.

"Ia laporan yang ditulis oleh Thomas Fuller, bagi saya Thomas Fuller... Thomas penipu. Mereka menuduh pemimpin kita penipu dan menyorok keadaan sebenar di negara ini.

"Beliau memburukkan negara kita, pemimpin kita yang selama ini menunjukkan kesabaran yang tinggi. Semoga Allah bersama-sama orang yang sabar," katanya.

Dalam laporan dengan tajuk 'Worrying tensions in Malaysia', penulisnya antara lain mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai berkata, hubungan antara kaum dan penganut agama di negara ini sudah mencapai tahap membimbangkan dan memberi amaran kerajaan tidak akan teragak-agak bertindak tegas untuk mengekalkan keamanan.

Ia juga memetik Abdullah sebagai berkata, kebebasan ada hadnya dan memberi amaran kepada mereka yang menyalahgunakan kebebasan bahawa beliau tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa saja yang menyalahgunakan kebebasan.

Akhbar berkenaan turut memetik kenya-

taan Setiausaha Agung National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, Wong Kim Kong, sebagai berkata ketegangan politik, agama dan kaum berlaku di negara ini, sambil memetik kes Lina Joy.

Idris berkata, laporan kenyataan Abdullah yang diputarbelitkan itu seolah-olah menggambarkan perubahan dalam nada ucapan Perdana Menteri yang sebenarnya bersifat pendamai dan penyayang.